

Isu dan Halangan bagi Bekas Pesalah untuk Bekerja: Satu Perspektif (Issues and Barriers of Employment among Ex-Offender: A Perspective)

Nur Diyanah Hidayat¹

Siti Marziah Zakaria

¹*Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

¹Corresponding e-mail: [addyanahdayat@gmail.com]

Ex-offenders are facing major challenges after their release to survive in the community. Among the challenges are stigma from the community, physical and mental health issues, financial problem because of unemployment and loss of significant others. They need to be guided to manage issues regarding employment, family, interpersonal relationship, and self-management. This article will discuss issues and barriers for ex-offenders to return to work or join the workforce. Past findings showed that ex-convicts and ex-drug addicts are still facing with barriers which withhold them from joining the job market. They frequently become the victims of rejection, bias, being bullied, and being segregated by co-workers. Barriers in employment may also be rooted from themselves, such as attitude problem, bad work culture, aggressive personality, and disciplinary issue. Thus, effective programmes and interventions need to be implemented for ex-offenders to increase their employability, and hence joining the community.

Keywords: barriers, employment, ex-drug addict, ex-convict, employability

Jabatan Penjara Malaysia telah menjalankan program pemulihan kepada banduan-banduan sepanjang tempoh mereka menjalani hukuman dengan tujuan untuk memulih dan melatih banduan agar menjadi warganegara berguna serta menanam sikap disiplin dan positif dalam diri mereka. Selain itu, program rawatan dan pemulihan juga ada dijalankan di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) di mana ianya berteraskan objektif untuk memulihkan penagih dadah secara reformatif agar mereka bebas daripada pergantungan secara fizikal dan psikologi terhadap penyalahgunaan bahan (Azlan & Mahmood Nazar, 2009). Justeru, kewujudan pusat-pusat rawatan dan pemulihan merupakan suatu langkah positif dan proaktif yang telah dijayakan oleh pihak kerajaan mahupun pihak-pihak lain sebagai suatu inisiatif dalam membantu penagih dadah dan pesalah.

Menurut kajian yang dilakukan ke atas penghuni CCRC, faktor tiada pekerjaan dalam kalangan penagih dadah telah menyebabkan mereka kembali melakukan penagihan selepas mereka keluar daripada pusat pemulihan (Azlan & Mahmood Nazar, 2009). Ini dibuktikan oleh kajian yang dijalankan oleh James (2015) mengenai jenayah berulang dalam kalangan banduan di Amerika. Kajian mendapati bahawa antara faktor penyebab banduan mengulangi jenayah adalah akibat kesukaran mendapatkan pekerjaan, mempunyai pendidikan yang rendah, masalah kecelaruan mental serta kesukaran mendapat tempat tinggal.

Sebaik sahaja banduan dibebaskan, mereka akan memilih sama ada untuk kembali ke pangkuan keluarga ataupun memilih untuk berhijrah jauh daripada

tempat asal. Sungguhpun demikian, bagi mereka yang pulang ke tempat asal, mereka akan berhijrah juga daripada tempat asal dalam suatu tempoh yang tertentu kerana faktor penolakan daripada keluarga sendiri (Alif et al., 2018). Kajian yang dilakukan mendapati bahawa 20% daripada bekas banduan yang berjaya mendapat pekerjaan kurang berkemungkinan untuk melakukan jenayah lain dan 15% bekas banduan yang mempunyai tempat tinggal juga kurang berkemungkinan untuk mengulangi jenayah yang telah mereka lakukan (Smith & Hopkins, 2013). Justeru, banduan akan lebih cenderung untuk melakukan semula jenayah jika mereka tidak berjaya memperoleh pekerjaan sejurus keluar daripada penjara (Sonfield, 2008). Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Fauziah et al. (2011) dan Sonfield (2008) yang mendapati bahawa pengangguran menjadi punca relaps dalam kalangan banduan dan kadar jenayah secara tidak langsung akan meningkat. Maka, adalah penting bagi bekas banduan dan penagih mendapat pekerjaan agar mereka tidak kembali kepada aktiviti negatif yang telah mereka lakukan. Artikel ini akan mengulas isu dan halangan dalam kalangan bekas pesalah untuk terus bekerja. Ia juga akan merungkai cabaran psiko-sosial yang dihadapi oleh bekas pesalah. Pendekatan pendidikan dan kemahiran sosial dicadangkan sebagai salah satu langkah bagi mendepani isu ini.

Isu dan Halangan untuk Menyertai Pasaran Kerja

Kajian lepas menunjukkan bahawa masalah kewangan atau pendapatan dan pendidikan menggagalkan usaha untuk mengintegrasikan bekas pesalah ke dalam komuniti. Mereka juga berdepan dengan masalah lain yang berkaitan iaitu masalah tempat tinggal, pekerjaan, sokongan komuniti dan latihan untuk terus menjadi

sebahagian daripada masyarakat (Williams-Queen, 2014). Pekerjaan ternyata menjadi salah satu sebab utama mengapa mereka tidak dapat menempatkan diri dalam komuniti seterusnya meningkatkan lagi risiko untuk mereka terjebak utama dalam aktiviti jenayah.

Antara halangan yang menjadi tembok bagi mereka menyertai pasaran kerja ialah masalah persepsi. Kebanyakan majikan mempunyai persepsi bahawa bekas pesalah atau banduan tidak mempunyai kemahiran yang baik dan tidak dapat dipercayai. Mereka mempunyai kerisauan yang tinggi bahawa golongan banduan yang diambil bekerja dengan syarikat mereka akan menjejaskan reputasi syarikat. Ada juga yang risau pekerja lain akan menghadapi masalah dengan golongan ini dan tidak lagi gembira bekerja di syarikat mereka (Pogorzelski et al., 2005). Kehadiran bekas pesalah dalam sesuatu organisasi seperti membawa bersama label negatif yang dikaitkan dengan mereka. Komuniti seolah-olah sudah membuang mereka dan teragak-agak untuk memberi mereka peluang kedua untuk memperbaiki kesilapan yang telah mereka lakukan. Justeru, mereka akan terus berada dalam fasa pemuluan yang menyukarkan usaha mereka untuk berintegrasi dengan komuniti.

Halangan untuk terlibat dalam pasaran kerja juga kadang-kala tercetus daripada diri bekas pesalah sendiri. Kajian mendedahkan bahawa masalah disiplin, sikap, budaya kerja, dan tabiat negatif bekas pesalah terus menghalang mereka untuk memasuki pasaran kerja atau terus diterima bekerja (Woodward, 2003; Pogorzelski et al., 2005; Collins, 2009). Hasil daripada penglibatan bekas banduan dan penagih dadah dalam kancas jenayah, secara tidak langsung membuatkan mereka terbiasa dengan sikap negatif seperti berbohong, mencuri, suka

memberi alasan dan malas melakukan pekerjaan. Ini menyebabkan majikan sukar untuk menggaji bekas banduan dan penagih dadah kerana sikap dan personaliti negatif dikhuatiri akan mempengaruhi budaya kerja mereka. Tambahan pula stigma negatif masyarakat terhadap mereka, tidak kira jenayah yang telah mereka lakukan telah memburukkan lagi keadaan (Woodward, 2003).

Selain itu, bekas banduan dan penagih dadah ini juga terdedah dengan masalah disiplin dalam pekerjaan. Mereka sukar untuk mengikut peraturan yang terlalu berstruktur. Memang tidak dapat dinafikan bahawa di penjara dan pusat pemulihan juga mereka telah terdedah dengan peraturan yang ketat dalam suasana terkawal ditambah pula dengan kehadiran pengawai penjara mahupun warden. Namun begitu, apabila mereka berdepan dengan suasana kerja di luar penjara, semuanya bergantung kepada diri mereka sendiri tanpa ada paksaan atau dendaan jika mereka enggan melakukan pekerjaan tersebut. Semuanya bergantung samada mereka mahu kekal dengan sikap lama atau pun menyesuaikan diri dalam suasana pekerjaan baru dan norma di luar penjara (Pogorzelski et al., 2005).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Alif et al. (2018), keadaan menjadi lebih buruk apabila bekas banduan memilih untuk berkumpul dan tinggal dengan rakan senasib dengan mereka. Pergaulan mereka secara tidak langsung mempengaruhi sikap dan budaya kerja mereka. Mereka yang tinggal bersama dengan bekas banduan yang lain lebih mudah terlibat dalam masalah sosial apabila rakan-rakan yang lain membawa pengaruh yang negatif seperti terlibat dengan aktiviti jenayah, mengambil dadah atau pun aktiviti negatif yang lain (Collins, 2009).

Selain daripada itu, mereka juga mengalami masalah apabila berhadapan dengan cabaran dalam pekerjaan. Menurut Aslinda dan Yarina (2017), isu buli di tempat kerja merupakan isu universal yang sukar dibendung. Ianya akan menyebabkan tekanan psikologi, rasa rendah diri, dan depresi. Kajian ini disokong oleh Einarsen, Hoel dan Notelaers (2009) yang menjelaskan bahawa pembuli di tempat kerja akan mengenakan tekanan secara peribadi kepada mangsa. Tambahan pula, jika rakan sekerja mahupun majikan mengetahui latar belakang serta rekod jenayah mereka. Perkara ini mungkin akan menyebabkan mereka bertindak agresif sebagai salah satu mekanisme pertahanan diri mereka.

Terdapat juga sebahagian daripada mereka yang mempunyai masalah dan limitasi dalam memilih pekerjaan yang sesuai dengan status dan keadaan mereka. Sesetengah pekerjaan memang jelas menuntut mereka untuk bersih daripada rekod jenayah. Begitu juga limitasi daripada segi kesihatan, pendidikan, dan pengalaman kerja (Holzer, Raphael & Stoll, 2003). Dari segi kesihatan, terdapat peratusan yang tinggi daripada bekas banduan yang mempunyai masalah kesihatan akibat perbuatan lampau mereka seperti HIV, Hepatitis dan penyakit mental (Kinner & Wang, 2014).

Ini disokong oleh Nijhawan (2016) yang menegaskan penyakit yang dihadapi oleh banduan termasuklah HIV, hepatitis, serta penyakit bawaan seks. Penyakit-penyakit ini akan meningkatkan lagi kerisauan masyarakat untuk menerima mereka kerana takut dijangkiti dan sebagainya. Usaha untuk mengintegrasikan mereka dalam masyarakat menjadi lebih sulit apabila individu sekeliling mereka tidak memahami apa yang sedang mereka lalui.

Stigma, pemuluan, dan boikot hanya akan terus menjauhkan mereka daripada komuniti dan meningkatkan lagi risiko relaps.

Cabaran Psiko-sosial Bekas Pesalah

Pendedahan dalam suatu tempoh yang tertentu dengan kehidupan dalam penjara akan menyebabkan kesan jangka pendek mahupun jangka panjang dalam kebolehan individu untuk beradaptasi dengan kehidupan di luar penjara (Collins, 2009). Antara kesannya adalah rasa rendah diri dan tiada keyakinan untuk bergaul dengan masyarakat. Ini akan mewujudkan jurang dalam perhubungan dan komunikasi dengan rakan sekerja serta majikan. Cara berinteraksi dengan warga pusat pemulihan serta penjara mempengaruhi budaya dan sikap kerja mereka. Mereka telah terbiasa menggunakan kekerasan seperti bergaduh atau bertumbuk jika tidak sefahaman. Sedangkan apabila berada di luar penjara, terdapat peraturan serta norma-norma masyarakat yang harus dipatuhi agar proses integrasi mereka dalam komuniti diterima masyarakat.

Transisi daripada kehidupan di penjara dan di luar penjara merupakan suatu proses yang memakan masa dan memerlukan sokongan sosial daripada komuniti (Western et al., 2015). Proses integrasi ini memakan masa bagi bekas banduan dan bekas penagih dadah untuk menyesuaikan diri dengan suasana kerja secara keseluruhannya. Terdapat ramai banduan yang tidak selesa dengan transisi kehidupan penjara ke tempat kerja dan ianya membuatkan mereka melakukan transisi secara paksa. Apabila transisi paksaan terjadi, ianya akan menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk membuat keputusan yang betul serta tidak mendapat sokongan emosi dan sosial yang diperlukan (Johnson, 2013).

Selain itu, sikap segelintir masyarakat yang meminggirkan banduan akan lebih memburukkan keadaan. Mereka akan kembali ke kancah jenayah akibat tertekan dengan hidup mereka kerana sikap dan stigma masyarakat yang sentiasa menghukum. Bekas banduan dan penagih dadah ini juga merupakan manusia biasa yang tidak lari daripada melakukan kesalahan dan mereka seharusnya diberi peluang kedua. Oleh yang demikian, masyarakat seharusnya bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam usaha membantu pihak berkuasa untuk menyediakan bekas banduan dan penagih dadah untuk integrasi kehidupan mereka dalam suasana hidup bermasyarakat agar mereka dapat menebus kesalahan mereka dengan menyumbang kembali kepada negara.

Pendekatan Pendidikan dan Kemahiran Sosial

Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh pihak berkuasa dalam memberikan latihan kemahiran serta vokasional agar mereka dapat meneruskan kehidupan dengan bekerja sendiri melalui kemahiran yang telah diperolehi tanpa bergantung dengan orang lain. Pendidikan, pengetahuan dan kemahiran vokasional penting bagi seseorang untuk mendapatkan pekerjaan (Atkinson et al., 2001). Latihan kemahiran dapat membantu seseorang untuk meningkatkan penghargaan sendiri dan memberi kesan positif kepada program pemulihan. Penagih dadah bukan sahaja perlu diberikan rawatan pemulihan untuk membantu mereka pulih daripada masalah penagihan dadah tetapi juga perlu diberikan latihan dalam bidang kemahiran untuk membantu mereka dalam pelbagai bidang pekerjaan apabila tamat tempoh pemulihan (Siti Marziah et al., 2018).

Antara bentuk pemulihan yang boleh dijalankan ialah dengan melatih bekas penagih untuk mempertingkatkan kemahiran sosial dan kemahiran ekonomi yang boleh dipasarkan. Ini kerana bekas penagih boleh menggunakan dan mempraktikkan kemahiran ini apabila tamat tempoh pemulihan kelak. Selain itu, kemahiran sosial bekas penagih boleh dipertingkatkan melalui usaha-usaha dalam pembinaan interaksi dan hubungan sosial antara penagih dengan ahli keluarga dan masyarakat (Nurfatin & Norbaya, 2016).

Melalui cara ini, penagih-penagih dapat berinteraksi dengan masyarakat yang mementingkan kesejahteraan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Ini sekaligus dapat menjauhkan mereka daripada kumpulan-kumpulan yang melakukan kegiatan jenayah atau sebarang bentuk kesalahan di sisi undang-undang. Kemahiran ekonomi yang boleh dipasarkan boleh diberikan kepada penagih melalui latihan kemahiran vokasional yang disediakan di pusat-pusat pemulihan, contohnya kemahiran menjahit, membaik pulih kenderaan, melakukan kerja-kerja pertanian, penternakan dan sebagainya (Siti Marziah et al., 2018). Daripada mempelajari latihan-latihan ini, penagih dapat memperolehi kemahiran yang memberikan mereka peluang untuk mendapatkan pekerjaan dan sekaligus dapat menyara kehidupan mereka setelah tamat daripada pemulihan.

Walau bagaimanapun, program-program pemulihan ini memerlukan kerjasama dan penyertaan daripada semua, terutamanya syarikat-syarikat gergasi di Malaysia. Mereka perlu menyokong usaha kerajaan ini untuk mengurangkan masalah jenayah dan penagihan dadah. Mereka perlu turut menyediakan inisiatif-inisiatif dan program ini di tempat kerja dan organisasi masing-masing supaya lebih ramai bekas

pesalah dapat dibantu. Dalam masa yang sama, sokongan moral dan emosi juga perlu sentiasa disediakan supaya bekas pesalah boleh terus kekal dalam kehidupan yang sihat tanpa jenayah. Usaha dan inisiatif ini telah lama dijalankan di negara-negara maju dengan mendapat kerjasama yang baik daripada agensi-agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan.

Rumusan

Lebih banyak kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti platform dan cara terbaik untuk membantu mereka kembali ke alam pekerjaan. Usaha dan inisiatif daripada pelbagai pihak juga diperlukan bagi membantu bekas penagih dan banduan untuk kekal dalam alam pekerjaan. Mereka memerlukan pekerjaan yang boleh menjadi punca rezeki mereka di samping membina nilai-nilai kehidupan yang baik. Kerjaya adalah salah satu medium yang boleh membantu dalam proses pemulihan. Penagihan dadah dan aktiviti jenayah mempunyai hubungan langsung yang signifikan dengan penyertaan dalam pekerjaan. Penglibatan semua pihak dalam memberikan peluang kedua kepada mereka dan menyediakan latihan-latihan yang bersesuaian akan memberi harapan baharu kepada hidup bekas pesalah dan penagih dadah.

Penghargaan

Artikel ini ditulis berdasarkan kajian yang dibiayai oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan IPSOM. Kajian telah tamat pada 14 Mei 2018. Kod projek adalah SK-2017-019.

Rujukan

Alif, J., Siti Hajar, A. B., Jal, Z. M. Y., Khairiyah, M. S., Noralina, O., &

- Zaiton, A. (2018). Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(01). doi: 10.17576/geo-2018-1401-07.
- Aslinda, R., & Yarina, A. (2017). Workplace bullying: Cleaning workforces' economic. *Journal of Administrative Science Issue*, 14(3), 1-5.
- Atkinson, J., Lee, D., Dayton-Shotts, C., & French, C. (2001). Self-perceived job skills and employment barriers among non-drug using and chronic drug using welfare-to-work participants. *Journal of Drug Issues*, 31(3), 747-756.
- Azlan, M. N., & Mahmood Nazar, M. (2009). Faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). *Journal Antidadah Malaysia*, 5(1), 1-29.
- Brunton-Smith, I., & Hopkins, K. (2013). The factors associated with proven re-offending following release from prison: Findings from Waves 1 to 3 of SPCR Results from the Surveying Prisoner Crime Reduction (SPCR) longitudinal cohort study of prisoners. Report prepared for United Kingdom Ministry of Justice Analytical Series 2013, United Kingdom.
- Collins, D. L. (2009). A study of the perception held by ex-offenders of community services and family support. (Master dissertation). Retrieved from ETD Collection for AUC Robert Woodruff Library Paper 58.
- Einarsen, S., Hoel, H., & Notelaers, F. (2009). Measuring exposure to bullying and harassment at work: Validity, factor structure and psychometric properties of the Negative Acts Questionnaire-Revised. *International Journal of Work, Health & Organisations*, 23(1), 24-44.
- Fauziah, I., Bahaman, A. S., Subhi, N., Jusoff, K., Mohamad, S. M., Sarnon, N., Chong, S. T., & Lukman, Z. M. (2011). The effectiveness of narcotics rehabilitation program in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 12, 74-79.
- Fauziah, I., Ezarina, Z., Nor Jana, S., Salina, N., & Norahim, M. S. (2017). Faktor-faktor penyumbang ketahanan diri penagih untuk pulih bebas dadah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(1), 60-74.
- Holzer, H. J., Raphael, S., & Stoll, A. S. (2003). Employment barriers facing ex-offenders. The Urban Institute Re-entry Roundtable Discussion Paper, May 19-20, New York University Law School.
- James, N. (2015). Offender re-entry: Correctional statistics, reintegration into the community and recidivism. Report prepared for Analysis in Crime Policy at the 2015 Congress Research Service, United States.
- Johnson, F. J. (2013). Preparing ex-offenders for work: Applying the self-determination theory to social cognitive career counselling. *Journal of Employment Counselling*, 50(2), 83-93. doi.org/10.1002/j.2161-1920.2013.00027.x
- Kinner, S. A., & Wang, A. W. (2014). The case for improving the health of ex-prisoners. *American Journal Public Health*, 104(8), 1352-1355. doi.10.2105/AJPH.2014.301883
- Nijhawan, A. E. (2016). Infectious diseases and the criminal justice system: A public health perspective. *American Journal of Medicine Science*, 352(4), 399-407. doi.org/10.1016/j.amjms.2016.05.020

- Nurfatin, A. M. M., & Norbaya, A. (2016). Program rawatan dan pemulihan dadah di pusat pemulihan penagihan dadah, Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(3), 14-30
- Pogorzelski, W., Wolff, N., Pan, K.-Y., & Blitz, C. L. (2005). Behavioral health problems, ex-offender reentry policies, and the "Second Chance Act." *American Journal of Public Health*, 95(10), 1718-1724. <http://doi.org/10.2105/AJPH.2005.065805>
- Siti Marziah Zakaria, Juliana Rosmidah Jaafar, Norul Huda Sarnon, Noor Deyana Tambi, & Mohd Nasir Selamat. (2018). Laporan Akhir Kajian Impak NBOS3 AADK melalui Pendekatan Terapi Kerja, AADK, Malaysia.
- Smith, I. B., & Hopkins, K. (2013). The factors associated with proven re-offending following release from prison: findings from Waves 1 to 3 of SPCR. Results from the Surveying Prisoner Crime Reduction (SPCR) longitudinal cohort study of prisoners). Ministry of Justice, United Kingdom.
- Sonfield, M. C. (2008). Entrepreneurship and prisoner re-entry: The development of a concept. *Small Business Institute Research Review*, 35, 193-200.
- Western, B., Braga, A. A., Davis, J., & Sirois, C. (2015). Stress and hardship after prison. *American Journal of Sociology*, 120(5), 1521-1547.
- Woodward, R. (2003). Families of prisoners: Literature review on issues and difficulties. Occasional Paper No.10. Australian Government Department of Family and Community Services.
- Williams-Queen, A. (2014). Life challenges among ex-offenders: A needs assessment. A Project Presented to the Faculty of California State University, San Bernardino. In Partial Fulfilment of the Requirements for the Degree Master of Social Work.

